

Bahagian A

[20 markah]

Soalan 1 hingga 10

A. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D.

Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan yang paling sesuai. (10%)

1. Pada hujung minggu, Tong Shern rajin mencabut _____ di halaman rumah.
a. bunga c. rumput
b. rambut d. akar
2. Elisabeth membeli buah _____ dari pasar malam.
a. sate c. burger
b. mangga d. karipap
3. Semasa melawat ke zoo, Jia Qi dapat melihat _____ mengaum.
a. Si Jalak c. Pak Belang
b. Sang Kancil d. Si Putih
4. _____ ialah jururawat yang bekerja di Hospital Alor Gajah.
a. Puan Nuryn c. Chef Yeow
b. Doktor Ho d. Profesor Chin
5. Su San pergi ke _____ untuk membeli-belah.
a. Zoo Negara c. Tadika Bintang
b. Tesco Cheng d. Stesen Bas Tampin
6. "Tolong alihkan meja ini ke ____ " pesan Sin Hui kepada Mithraan.
a. situ c. ini
b. dia d. anda
7. Jia Yu dan Alisa tinggal bersama. _____ datang ke sekolah bersama.
a. dia c. kamu
b. mereka d. beliau
8. Encik Lim ialah pensyarah di Universiti Malaya. _____ mengajar subjek Matematik.
a. Beliau c. Saya
b. Kamu d. Aku
9. Jayna dan Jia En suka _____ buku di perpustakaan.
a. menyimpan c. membaca
b. menyediakan d. menggosok
10. Xiu Ming gemar _____ televisyen semasa cuti sekolah.
a. menonton c. menaip
b. membaca d. mengelap

11. Pada cuti sekolah yang lalu, Vasant sekeluarga **menziarahi** saudara-mara yang tinggal di Negeri Sembilan.

Pilih **perkataan sinonim** bagi menziarahi.

- a. menjemput c. melawat
- b. mengajak d. melancong

12. Wen Xuan dan Jia Yi **berwaspada** semasa melintas jalan raya untuk mengelakkan berlakunya kemalangan jalan raya.

Pilih **perkataan antonim** bagi berwaspada.

- a. cuai c. berhati- hati
- b. cermat d. berjaga-jaga

13. Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan bergaris** dengan betul.

- I.Chun Kai berasal ke Melaka..
- II.Nurul Batrisyia berasal dari Melaka.
- III.Albert lebih rendah daripada Ruban.
- IV.Kasut Aidil diperbuat dari kanvas dan getah.

- a. I dan II c. III dan IV
- b. II dan III d. I dan IV

14. Kucing Haziqah yang bernama Si Comel mempunyai bulu yang _____.

Pilih **peribahasa** yang sesuai bagi mengisi tempat kosong.

- a. bagai bulan dipagari bintang c. bagai isi dengan kuku
- b. putih seperti kapas d. bagai aur dengan tebing

Soalan 15

Pilih jawapan yang sesuai bagi ayat tanya yang diberi.

15. Apakah kebaikan bersenam?

- a. Kebaikan bersukan ialah berjogging.
- b. Ya, bersenam membawa banyak kebaikan.
- c. Bersenam dapat menjadikan badan kita cergas dan sihat.
- d. Bersenam ialah aktiviti yang harus diamalkan setiap individu.

Soalan 16

Pilih ayat yang **betul**.

- 16.
- a. Kok Pin mempunyai sebuah beg sekolah yang kurus.
 - b. Cai Xuan menyimpan gunting yang rendah di dalam laci.
 - c. Wei Yong suka menggunakan telefon pintar yang mempunyai skrin besar.
 - d. Qazrina selalu bermain badminton bersama kakaknya di bawah pokok yang renek.

Soalan 17 hingga 20

B. Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Anda cergas dan aktif? Meminati sukan bola keranjang?
Mari sertai!

Pemilihan Pemain Pasukan Bola Keranjang Sekolah bagi 2021

Tarikh : 18 Februari 2021

Masa : 8.00 pagi

Tempat : Gelanggang bola keranjang

- Datang dengan berpakaian sukan yang lengkap
- Minuman pagi disediakan
- Pemilihan dilakukan oleh jurulatih berpengalaman

Sukan Pemangkin Generasi Aktif dan Berdaya Saing

17. Apakah tujuan poster ini?

- a. Pemilihan pemain pasukan badminton sekolah
- b. Jemputan menyertai bola jaring sekolah
- c. Peringatan tentang tarikh pemilihan pemain pasukan bola sepak
- d. Pemberitahuan tentang pemilihan pemain pasukan bola keranjang sekolah

18. Siapakah yang sesuai menyertai pemilihan ini?

- a. Murid yang meminati senaman
- b. Murid yang meminati nyanyian
- c. Murid yang meminati bola keranjang
- d. Murid yang suka melukis dan mewarna

19. Bilakan pemilihan pemain pasukan bola keranjang diadakan?

- a. 18 Januari 2021
- b. 18 Februari 2021
- c. 19 Oktober 2021
- d. 20 September 2021

20. Semasa pemilihan pemain pasukan bola keranjang sekolah, murid perlu

- a. Datang dengan berpakaian sukan yang lengkap
- b. Membawa makanan dan botol air sendiri
- c. Memakai kasut sukan yang mahal
- d. Membawa beg sekolah yang kecil

Bahagian B

[30 markah]

Soalan 21

(a) Pilih perkataan sinonim yang paling sesuai bagi perkataan bergaris.

i.	Chung Fu dan Wei Liang _____ kelas dengan angpau semasa menyambut Tahun Baharu Cina.	menghias
ii.	Pada waktu rehat, Ze Kai dan Adeeb _____ kerusi dan meja.	mencuci
iii.	Fatima _____ kasut sekolah pada hujung minggu.	menyusun
iv.	Nadhira _____ katil setelah bangun tidur.	mengemas

[3 markah]

(b) Tulis BETUL atau SALAH pada ruang yang disediakan bagi penggunaan perkataan yang bergaris dalam ayat-ayat di bawah.

1	Ching Wen telah membeli sepasang kasut hitam yang baharu.	
2	Xiu Ming telah meminjam tiga keping buku cerita dari perpustakaan.	
3	Rupa mempunyai sepasang baju kurung yang berwarna merah.	
4	Hayani mengelap tingkap dengan sebidang kain yang bersih.	
5	Terdapat sebatang pokok yang sangat besar di halaman rumah Qu Xuan.	

[5 markah]

Soalan 22

Baca maklumat di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.



(a) Apakah itu penyakit demam denggi?

[1 markah]

(b) Apakah gejala-gejala penyakit demam denggi?

[3 markah]

(c) Bagaimanakah kita boleh mencegah penyakit demam denggi?

[3 markah]

Soalan 23

Baca petikan di bawah. Kemudian, jawab soalan-soalan.

Terdapat beberapa peraturan keselamatan yang perlu dipatuhi oleh murid-murid semasa berada di makmal sains. Ini bertujuan untuk mengelakkan kecederaan kepada murid.

Sebelum menjalankan aktiviti, murid hendaklah memakai pakaian yang sesuai dan kemas serta memakai kasut. Murid perempuan mestilah mengikat rambut mereka yang panjang dengan kemas. Lengan baju panjang pula hendaklah dilipat dengan kemas.

Semasa menjalankan aktiviti, murid juga haruslah menggunakan peralatan sains dengan berhati-hati. Murid dilarang bermain semasa di dalam makmal sains.

Akhir sekali, murid hendaklah menutup suis kipas dan lampu selepas melakukan aktiviti di dalam makmal sains.

- (a) Mengapakah murid perlu menjaga keselamatan semasa berada di dalam makmal sains?

[1 markah]

- (b) Banyak peraturan keselamatan yang perlu dipatuhi oleh murid semasa berada di dalam makmal sains. Dua daripadanya ialah

[2 markah]

- (c) Bagaimanakah kita dapat menjimatkan elektrik selepas melakukan aktiviti di makmal sains?

[2 markah]

Soalan 24

Teliti poster di bawah, kemudian jawab soalan-soalan dengan jawapan yang betul.

Kelas Memasak Nasi Goreng

Tarikh : 22 Mac 2021

Masa : 2 p.m hingga 4 p.m

Tempat : Bilik Masakan

Anjuran : Persatuan Memasak SJKC Alor Gajah

Syarat-syarat penyertaan:

- Terbuka kepada murid-murid SJKC Alor Gajah
- Minat memasak

Cepat! Cepat! Cepat! Terhad kepada 30 orang peserta sahaja.

Jika anda berminat, sila dapatkan borang penyertaan daripada Cikgu Goh.

(a) Kelas Memasak dianjurkan oleh _____.
[1 markah]

(b) Kelas memasak diadakan di mana?

[1 markah]

(c) Kelas memasak terbuka kepada siapa?

[1 markah]

(d) Berapa lamakah kelas memasak diadakan?

[1 markah]

(e) Pada pandangan kamu, siapakah Cikgu Goh?

[1 markah]

Soalan 25

Baca petikan di bawah. Kemudian, jawab soalan-soalan.

Pada suatu hari, Shahirah berjalan pulang ke rumah selepas bermain di taman permainan. Ketika dalam perjalanan, dia ternampak asap berkepul-kepul dari sebuah rumah banglo.

Shahirah *mendekati* rumah itu. Dia mendapati rumah itu sedang terbakar. Tanpa membuang masa, Shahirah mengeluarkan telefon pintarnya lalu menelefon Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia untuk melaporkan tentang kejadian itu.

Tidak lama kemudian, pihak bomba tiba lalu memadamkan kebakaran itu. Selepas 20 minit berlalu, pihak bomba berjaya memadamkan kebakaran di rumah banglo itu.

Tuan rumah banglo itu, iaitu Datuk Steven yang berada di luar negara pada masa itu telah dimaklumkan tentang kejadian tersebut. Datuk Steven mengucapkan terima kasih kepada Shahirah atas tindakan pantasnya menelefon pihak bomba.

- (a) Perkataan *mendekati* dalam petikan boleh digantikan dengan perkataan

_____.

[1 markah]

- (b) Dari manakah datangnya asap yang berkepul-kepul itu?

_____.

[1 markah]

- (c) Setelah ternampak kebakaran itu, Shahirah terus

_____.

[2 markah]

- (d) Berapa lamakah yang digunakan oleh pihak bomba untuk memadamkan kebakaran itu?

_____.

[1 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT